



AHMAD SAID

Muhyiddin lawat mangsa banjir di Terengganu hari ini

KEMAMAN 26 Dis. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dijadual melawat mangsa banjir di Terengganu esok.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said berkata, Muhyiddin akan melawat daerah Kemaman yang kini terjejas te-

ruk akibat banjir selepas kawasan Besut dan Setiu yang kini kian pulih.

Beliau berkata, sejurus tiba di Lapangan Terbang Kerteh, Muhyiddin terus dibawa menaiki helikopter melawat mangsa di pusat pemindahan banjir di Sekolah Menengah Bukit Mentok di sini.

Terdahulu, Ahmad bersama isterinya, Toh Puan Norliza Mahmud melawat beberapa kawasan banjir sekitar Kemaman, antaranya pusat penempatan mangsa banjir di Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih dan DUN Cukai.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang

juga Ahli Parlimen Kemaman serta Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Terengganu, Zuhari Omar.

Ahmad Shabery menyifatkan banjir yang melanda daerah ini kali ini antara terburuk selepas banjir besar melanda negara pada 1971. - BERNAMA